

**LANG SEWAH**  
Japanese Sparrowhawk

FAMILLI: Accipitridae  
NAMA SAINTIFIK: *Accipiter gularis*



#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa, warna pada bahagian atas badan lebih pudar dengan jalur-jalur berwarna merah jambu-kemerahan pudar di bahagian dada dan perut. Bahagian atas ekor mempunyai jalur-jalur halus berwarna gelap. Mata berwarna merah. Bagi burung betina, saiznya lebih besar dengan mata berwarna kuning ke kuning-oren. Bahagian bawah badan berwarna lebih coklat, jalur-jalur gelap di bahagian dada kurang kelihatan. Bagi burung juvenil, jalur-jalur gelap di bahagian badan adalah lebih nipis, garis-garis di dada kurang kelihatan. Bahagian belakang kepala berwarna kelabu pudar.

#### **SAIZ**

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah 25.0-34.0 sm. Berat 224-450 gm.

#### **MAKANAN**

Burung-burung kecil, mamalia kecil dan serangga.

#### **HABITAT**

Dijumpai di kawasan terbuka, pinggir hutan dan kawasan berkayu sehingga ketinggian 2,135 m dari aras laut.

#### **TABIAT**

Berhijrah dalam kumpulan-kumpulan kecil, bersama-sama lain-lain spesies seperti Lang Baza Berjambul.

#### **PEMBIAKAN**

Membiak dalam bulan Mei ke Jun di Jepun atau Selatan Siberia. Sarang dibina di atas pokok dan diperbuat daripada ranting-ranting kayu, 2-5 biji telur.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.  
CITES Appendiks 2